



## Doa (Hasbiyallah)

Daripada Shaddad bin Aus RA, Rasulullah SAW bersabda:

(حَسْبِيَ اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ) أَمَانٌ لِكُلِّ خَائِفٍ

**Maksudnya:** "Cukuplah bagiku Allah dan Dialah sebaik-baik wakil, nescaya aman dari setiap yang takut."

Riwayat al-Dailami dalam Firdaus (2/134) no. (2688). Hadis ini didaifkan oleh al-Manawi dalam *Fi al-Qadi* (3/383) no. (3715)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Menurut Imam al-Bukhari, Ibn al-Munzir, al-Hakim dan al-Baihaqi daripada Ibn Abbas berkata bahawa doa di atas merupakan kalimah yang terakhir yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim AS sebelum dicampakkan ke dalam api. Nabi Muhammad SAW juga membaca doa ini ketika golongan kafir menakutkan Baginda tentang tentera bersekutu yang akan menyerang Nabi SAW.
2. Dr. Aid Abdullah al-Qarani menjelaskan doa yang merupakan ayat ke-173 dari surah ali-Imran ini menjadi satu deklarasi menyerahkan urusan kita kepada Allah, bertawakal kepada-Nya, yakin dengan janji-Nya, reda dengan ketetapan-Nya, berbaik sangka dengan kehendak-Nya dan menantikan bantuan-Nya. Itulah natijah keimanan yang berakar dalam diri seseorang Mukmin.
3. Dia yakin segala yang dikehendaki Allah SWT adalah terbaik buat dirinya. Dia bergantung harap sepenuhnya kepada Allah SWT untuk mendapat

pertolongan, perlindungan dan kasih-Nya. Apabila Nabi Ibrahim AS dicampakkan ke dalam api, inilah bacaannya (membaca doa ini), lalu Allah SWT menjadikan api itu bertukar menjadi sejuk dan selamat buatnya. Doa ini juga turut dibacakan oleh Nabi SAW dan para sahabat apabila berhadapan dengan tentera bersekutu.

4. Manusia tidak mampu menghadapi ujian berseorangan diri, kerana dia diciptakan dalam keadaan lemah. Katakanlah ketika anda berhadapan dengan masalah, kekurangan harta, banyak hutang, kurang 'income', kering sumber, maka bacalah ataupun ucapkanlah doa di atas.
5. Berdasarkan kepada hadis di atas sewajarnya kita sebagai seorang Muslim sentiasa melazimi doa dan zikir dalam merentasi kehidupan harian. Ini kerana doa merupakan tanda pergantungan hamba kepada Tuhannya serta pengharapan dan permohonan kepada-Nya. Ia sudah pasti akan memakbulkan seperti yang dinaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah.
6. Betapa mulianya doa sehingga dinyatakan sebagai otak ibadah dan Allah SWT pasti mengurniakan kepada hambanya kerana sifat-Nya yang pemalu lagi mulia. Allah seperti yang diketahui murka jika manusia meninggalkan doa kepada-Nya. Sebaliknya manusia amat marah apabila diminta kepadanya dengan banyak. Menerusi doa seseorang hamba mampu munajat kepada Tuhannya secara langsung dan menggamit rahmatnya agar dikurniakan hajatnya itu.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Hamid al-Affaf Rahimahullah berkata:** Jika Allah SWT mahu membinasakan seseorang, maka dihukum dengan tiga keadaan. Diberinya ilmu tanpa amal, diberinya bersahabat dengan golongan soleh tetapi tidak mengikut jejak mereka serta tidak beradab terhadap mereka dan diberi jalan untuk berbuat taat tetapi tidak ikhlas.
- ❖ **Pujangga berkata:** Sederhanalah dalam mengharungi kehidupan seharian. Semampu anda, bekerjalah pada sebahagian waktu anda. Orang-orang Yunani percaya bahawa orang tidak mungkin boleh menjaga naluri manusianya jika dia tidak diberi waktu lapang.

## Kisah Teladan

Dalam kitab Shahih al-Bukhari dikatakan, bahawa Abdullah bin Abbas R.Anhuma berkata tentang firman Allah SWT:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**Maksudnya:** Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung.

(Surah ali-Imran: 173)

Kalimah inilah yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim AS tatkala dia dilemparkan ke dalam bara api, akhirnya Allah menjadikan bara api itu dingin serta menyelamatkan Ibrahim AS. Dan kalimah ini juga yang diucapkan oleh Nabi Muhammad SAW tatkala kaum musyrik mengancam baginda dengan kata-kata mereka: “*Sesungguhnya manusia (kafir Quraisy) telah mengumpulkan askar untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka.*”

Maka tatkala para tentera Namrud mengikat Nabi Ibrahim AS dengan tali, lalu mereka membawanya ke tiang gantung dan menyalakan api untuknya, tiba-tiba malaikat Jibril menghampirinya pada saat-saat genting seperti itu, iaitu saat-saat yang sangat sulit bagi sesiapa sahaja yang menghadapinya. Tatkala malaikat Jibril datang menghampirinya dalam keadaannya yang diikat dengan tali dia berkata kepadanya: “Wahai Ibrahim, apakah kamu mempunyai keperluan dariku?” Maka Nabi Ibrahim menjawab dengan perkataan seorang mukmin yang tetap kukuh, sabar dan tabah serta yakin dengan ketentuan dan kekuasaan Tuhannya Yang Maha Agung lagi Maha Kuasa, dan yakin bahawa pertolongan Allah akan tiba, maka dia menjawab: “Kalau kepadamu (Jibril) saya tidak mempunyai keperluan, tetapi kalau kepada Allah, ya saya mempunyai keperluan.” Maka tatkala mereka membawanya, dia berkata: “Cukuplah Allah sebagai penolongku dan Dialah sebaik-baik penolong.” Lalu dia pun dilemparkan ke dalam api neraka, tiba-tiba api itu pun menjadi dingin dan menjadi penyelamat bagi Nabi Ibrahim.

Maha suci Engkau, ya Allah, yang telah menyelamatkan, memelihara dan melindungi, kerana dia adalah seorang yang bertakwa. Dan Maha Suci Engkau, ya Allah, yang telah menghina perbuatan seorang durjana dan penjahat, kerana dia adalah seorang yang sengsara.